

Harga: Pengguna ada kuasa boikot peniaga

Oleh **FITRIE ZARIQ ZAINOL**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 6 JAN.**

PENIAGA terutamanya Bumiputera perlu berhati-hati supaya tidak terus menjadi boneka kepada dalang yang mengawal harga barangan dengan menguasai kefahaman tentang ekonomi.

Menurut Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknologi Mara (UiTM), Ahmad Naquiuddin Mohamad, peniaga Bumiputera seharusnya mempunyai kefahaman yang mendalam tentang ekonomi seperti peniaga Cina.

“Kebanyakan peniaga Cina mempunyai kefahaman ekonomi yang mendalam sehingga mereka merupakan antara pemegang saham besar dalam perniagaan. Jika mahu menjadi seperti mereka, kefahaman tentang ekonomi dan perniagaan harus dipertajamkan lagi.

“Peniaga Bumiputera khususnya perlu tahu tentang harga pasaran sekarang, ramai peniaga Bumiputera tidak membuat kajian tentang pasaran produk yang dibuat. Jika perlu turunkan harga peniaga disarankan turunkan harga,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Dalam pada itu, Ahmad Naqi-



Pengguna ada kuasa, sekiranya mereka gunakan kuasa itu akhirnya yang rugi peniaga. Apabila perkara ini berlaku ia tidak akan menguntungkan mana-mana pihak, lebih baik kita menggunakan prinsip menang-menang, pengguna dapat barang murah, peniaga pun ada untung”.

**AHMAD NAQUIUDDIN MOHAMAD
Yang Dipertua Majlis Perwakilan
Pelajar UiTM**

uddin memberitahu, pengguna mempunyai kuasa untuk memilih barangan dan memboikot sesuatu barangan tersebut jika mendapati harga yang ditawarkan adalah terlampau mahal.

“Pengguna ada kuasa, sekiranya mereka gunakan kuasa itu akhirnya yang rugi peniaga. Apabila perkara ini berlaku ia tidak akan mengun-

tungkan mana-mana pihak, lebih baik kita menggunakan prinsip menang-menang, pengguna dapat barang murah, peniaga pun ada untung,” katanya.

Semalam beberapa pihak mendesak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan supaya bertindak pantas dalam memantau dan memastikan harga barang dapat diturunkan apabila harga runcit bahan api negara turun sejak awal Disember lalu dan terbaharu pada 1 Januari lalu.

Ketua Penerangan Pemuda UMNO Bahagian Mersing, **Muhammad Syukri Ibrahim** berkata, jika sebelum ini para peniaga dengan pantas menaikkan harga barang sebaik sahaja harga bahan api naik, maka harga barang sepatutnya diturunkan apabila harga petrol dan diesel turun.

Sementara itu, Naib Yang Dipertua MPP Universiti Putra Malaysia (UPM), **Muhammad Hanif Ramlan** menyarankan peniaga menurunkan harga barang seiring dengan harga minyak atas dasar kemanusiaan.

“Penurunan harga barang perlu dibuat kerana sebelum ini kerajaan sudah menurunkan harga minyak, apa salahnya jika para peniaga menurunkan harga barang pula demi kesejahteraan rakyat,” katanya.